


**TEKS UCAPAN ALUAN**

**YBHG. DATO' TPr. FADLUN BIN MAK UJUD**

**PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA**

**SEMPENA MAJLIS PENGHARGAAN  
BAGI PROGRAM *SMArT BOTANIC Edu-CARE*  
ANJURAN TAMAN BOTANI, PERBADANAN PUTRAJAYA  
DENGAN KERJASAMA UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA DAN  
JABATAN PENDIDIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
PUTRAJAYA**

**30 JUN 2022 (KHAMIS)  
JAM 2.15 PETANG  
DEWAN SERI SEROJA,  
PRESINT DIPLOMATIK PUTRAJAYA**



Assalamualaikum wrt, Salam Sejahtera dan Selamat Petang.

Terima kasih saudara & saudari pengerusi majlis.

- **Yang Berusaha LAr. Abd. Aziz Bin Buang**  
Naib Presiden Jabatan Landskap dan Taman PPj
- **Yang Berbahagia Prof. Madya LAr. Dr. Suhardi Bin Maulan**  
Dekan Fakulti Rekabentuk dan Senibina UPM
- **Prof. Madya Dr. Fairuz Shahidan**  
Ketua Jabatan Senibina Landskap, Fakulti Rekabentuk dan Senibina, UPM
- **Prof. Madya LAr. Ts. Dr. Osman Mohd Tahir**  
Penasihat Kumpulan Penyelidik *Sustainable Practice in Conserving Environment* (SPiCE)
- **Dr. Roslan Bin Hussin**  
Timbalan Pengarah Perancangan  
Jabatan Pendidikan WP Putrajaya
- Pengetua-pengetua Sekolah Menengah di Putrajaya
- Pengarah-pengarah Perbadanan Putrajaya

- Para Pensyarah Fakulti Rekabentuk dan Senibina, UPM, Guru-guru Pengiring sekolah-sekolah menengah Putrajaya, Barisan Juri-juri profesional, Barisan Fasilitator, siswazah UPM, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Putrajaya seterusnya hadirin dan hadirat yang saya hormati dan kasihi sekalian.
1. Pertama sekali, marilah kita sama-sama memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua dapat kita berkumpul bersama-sama dalam menjayakan **MAJLIS PENGHARGAAN PROGRAM SMArT BOTANIC Edu-CARE 2022.**
  2. Sepertimana yang pihak Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, pada awal tahun 2020 seluruh penduduk dunia digemparkan dengan penularan wabak Covid-19. Wabak ini bukan sahaja telah memberi banyak kesan negatif terutama kepada kesihatan awam dan ekonomi negara, malah pelbagai sektor lain juga turut terjejas termasuklah sektor pendidikan di Malaysia.
  3. Walau bagaimanapun, setelah kita sama-sama mengharungi saat pahit getir sepanjang beberapa fasa COVID 19 di Malaysia, Alhamdulillah akhirnya mulai 1 April 2022 yang lalu pihak kerajaan telah memberi kebenaran untuk pelaksanaan aktiviti sukan dan kokurikulum di luar bilik darjah mulai sesi akademik 2022/2023.

4. Dengan perkembangan tersebut, ia sedikit sebanyak memberi peluang dan ruang kepada semua pihak terlibat untuk meneruskan usaha bagi pelaksanaan program yang melibatkan bidang pendidikan di samping membiasakan diri dengan fasa transisi hidup bersama virus COVID-19 dan menuju fasa endemik.
5. Perbadanan Putrajaya sentiasa memacu usaha dan komited dalam memastikan Putrajaya menjadi sebuah bandaraya Pentadbiran yang Mampan dan Bertaraf Dunia melalui kualiti perkhidmatan terbaik serta pembangunan yang bersepadu dan terancang.
6. Putrajaya kini sedang menuju transformasi ke arah pencapaian Putrajaya Mampan 2025 (*Putrajaya Sustainable City 2025*) selaras dengan Wawasan Rancangan Struktur Putrajaya yang telah diwartakan pada 7 Mac 2014. Prinsip *Smart City* juga diterapkan dalam semua aspek perkhidmatan perbandaran termasuklah melahirkan warga Putrajaya yang bestari (*Smart Citizen of Putrajaya*).
7. **Taman Botani Putrajaya** yang digelar *Mother of All Gardens* adalah merupakan antara taman awam utama daripada 12 taman awam lain di Putrajaya. Taman ini adalah merupakan sebuah pusat rujukan berkaitan pendidikan tumbuhan dan interpretif alam bagi mempromosikan aktiviti dan penganjuran kursus botanikal dan program *outreach* untuk semua lapisan masyarakat selain meningkatkan kesedaran umum terhadap kegunaan dan kepentingan flora dan fauna melalui aktiviti pendidikan.

8. **Program SMArt Botanic EDU-CARE** adalah merupakan satu Program Pendidikan Botani di bawah Bahagian Botani, Jabatan Landskap dan Taman, Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama Kumpulan Penyelidik *Sustainable Practice in Conserving Environment* atau singkatannya (*SPiCE*), Jabatan Senibina Landskap, Fakulti Rekabentuk dan Senibina UPM.
  
9. Di antara objektif program **Program SMArt Botanic EDU-CARE** adalah:
  - Untuk menyemai pengetahuan berkaitan pengetahuan botani asas dan latihan praktikal tentang reka bentuk dan pengurusan landskap kepada guru-guru dan pelajar sekolah menengah di Putrajaya serta kepada para pelajar Kursus Senibina Landskap, UPM.
  - Melatih pelajar sekolah menengah Putrajaya untuk membina landskap mini taman dengan idea yang kreatif, kondusif dan lestari di samping membantu dalam mengindahkan persekitaran sekolah masing-masing supaya lebih ceria.
  - Memastikan warga Putrajaya terus sejahtera dan program pendidikan botani **SMArt Botanic EDU-CARE** yang dilaksanakan ini adalah salah satu usaha ke arah menjadikan Putrajaya sebagai Bandar Mampan 2025 dan Bandar Hijau Karbon Rendah.

10. Saya berhasrat agar program pendidikan ini yang berjaya mendapat sambutan menggalakkan daripada sekolah-sekolah Putrajaya perlu diteruskan oleh Jabatan Landskap dan Taman melalui Jawatankuasa Pembangunan Landskap *Local Agenda (LA 21- Greenovation)*. Saya difahamkan bahawa program *LA 21- Greenovation* ini telahpun dimulakan semenjak 2008 sehingga 2019 lagi dengan penglibatan daripada pihak swasta, NGO, PPj sendiri termasuk penglibatan aktif bersama sekolah-sekolah di Putrajaya.
10. Untuk jangka masa panjang, pendekatan kepada konsep lestari '*Putrajaya Eco-School*' berpotensi besar untuk diketengahkan di sekolah-sekolah Putrajaya bagi menggalakkan pelajar untuk menjaga alam sekitar melalui pelbagai aktiviti kesedaran pendidikan alam sekitar dan biodiversiti. Program ini juga membuka peluang kepada mana-mana NGO serta badan-badan swasta yang berminat untuk menjayakan '*Putrajaya Eco-School*' di bawah *LA-21-Greenovation*.
11. Saya juga menawarkan kepada Jabatan Pendidikan WP Putrajaya atau mana-mana agensi pendidikan yang berminat untuk menggunakan taman-taman awam di Putrajaya sebagai lokasi pilihan untuk menjalankan program ko-kurikulum dan pembelajaran di luar bilik darjah.
12. Disamping itu juga pelajar-pelajar boleh menggunakan modul pendidikan botani yang disediakan oleh Bahagian Taman Botani bagi menjalankan aktiviti pendidikan botani dan alam sekitar sambil meneroka keindahan taman-taman Putrajaya. Antaranya Taman Botani Putrajaya Presint 1,

Taman Saujana Hijau di Presint 11, Taman Rimba Alam di Presint 15 dan Taman Warisan Pertanian, Presint 16 serta lain-lain taman lagi. Taman-taman ini mempunyai keunikan dan keistimewaannya tersendiri di mana nilai botanikal yang ingin ditonjolkan di Taman Botani Putrajaya ialah melalui kepelbagaian koleksi tumbuhan mengikut pengelasan botanikal iaitu melalui kaedah taksonomi (pengelasan) dan *nomenclature* (penamaan) bagi tumbuhan di taman ini dan Taman Saujana Hijau Presint 11 dengan keindahan taman seolah berada di Hutan Pine tanah tinggi serta keunikan tanaman koleksi gymnosperm manakala Taman Rimba Alam dengan kepelbagaian dan kekayaan warisan hutan hujan khatulistiwa melalui koleksi dipterokarpnya. Taman Warisan Pertanian pula mempamerkan dusun buahan-buahan, koleksi tumbuhan agro serta kebun getah yang menjanjikan pengalaman yang lain daripada yang lain. *Taman-taman Putrajaya bukan hanya sekadar taman (More Than Just A Garden!).*

13. Perbadanan Putrajaya juga berhasrat untuk menjadikan anak-anak Putrajaya sebagai generasi yang menghargai alam sekitar melalui pendedahan kepada asas penanaman dan rekabentuk landskap. Sekurang-kurangnya asas ilmu ini akan membantu dalam mengindahkan lagi persekitaran sekolah masing-masing. In Sha Allah, PPj bersedia untuk menyumbangkan pokok-pokok dan pelbagai sumber hortikultur taman melalui program kerjasama dan gotong royong keceriaan landskap sekolah bagi memastikan hasrat ini tercapai.
14. Melalui program seumpama ini juga, semangat kerjasama dapat dipupuk dalam menyatukan idea kreatif dan berinovasi dan khidmat sokongan nasihat daripada pelbagai bidang professional di dalam aspek landskap dan botani

juga dapat diterapkan. Marilah kita bersama-sama berganding bahu dalam memastikan Putrajaya terus lestari.

15. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengajak semua ke Festival Bunga dan Taman Diraja Putrajaya (Royal Floria Putrajaya) yang akan berlangsung pada 29 Ogos 2022 sehingga 4 September 2022 yang pastinya satu lagi acara Putrajaya yang ditunggu-tunggu oleh semua peminat bunga-bungaan dan taman.
16. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakam setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kumpulan Penyelidik *Sustainable Practice in Conserving Environment* (SPiCE), Jabatan Senibina Landskap, Fakulti Rekabentuk dan Senibina UPM yang sudi menyumbang bakti bagi program ini, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya yang sentiasa komited dan memberi kerjasama yang tidak berbelah bagi ke atas Program-program dan aktiviti yang anjuran Perbadanan Putrajaya. Tidak lupa juga kepada seluruh warga kerja Perbadanan Putrajaya yang turut menggalas tugas yang diamanahkan demi kesejahteraan generasi Putrajaya agar matlamat dan aspirasi Putrajaya untuk menjadi Bandar Mampan 2025 dan Bandar Hijau Karbon Rendah Putrajaya dapat direalisasikan.
17. Kepada para pemenang Program *SMArt Botanic Edu-CARE* 2022. **Setinggi-tinggi tahniah** saya ucapkan di atas usaha dan komitmen dan kerjasama yang diberikan. Diharap juga program ini adalah antara permulaan yang baik kepada suatu usaha yang berterusan.



18. Akhir kata, dengan Lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan **MAJLIS PENGHARGAAN BAGI PROGRAM *SMArt BOTANIC Edu-CARE* 2022.**

Semoga segala usaha kita ini diberkati Allah Ta'ala.

Sekian, Wabilliahitaufik Wal Hidayah.

Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh.